

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Puan Rubiah binti Haji Wang
[Kota Samarahan]**

NO. SOALAN : 170

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengenai status terkini mengenai pencapaian pembekalan elektrik dan air bersih di kawasan luar bandar negeri Sarawak dan Parlimen Kota Samarahan khususnya sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikut dikemukakan status pencapaian NKRA bermula dari tahun 2010 sehingga **30 April 2014** di Sarawak :

- i. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB):**
Sebanyak **80,942 buah rumah** telah menerima bekalan air bersih/terawat
- ii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB):**
Sebanyak **58,353 buah rumah** telah menerima bekalan elektrik 24 jam.

Manakala projek khusus bagi Parlimen Kota Samarahan, sebanyak 71% daripada keseluruhan kawasan telah mendapat bekalan air bersih melalui Program BALB dan sejumlah 1,491 buah rumah mendapat manfaat daripada Program BELB.